



# PMM PERTAHAN KATEGORI EMAS

**3 Oktober 2013**, Politeknik Merlimau (PMM) mengulangi kejayaan seperti tahun-tahun lepas dalam mempertahankan kategori emas menerusi Konvensyen Persekitaran Berkualiti 5S Peringkat Kebangsaan anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang berlangsung selama tiga hari di Bukit Gambang Resort City, Kuantan, Pahang. Sebanyak 15 organisasi kerajaan dan swasta dari negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan layak menyertai konvensyen ini selepas markah pemantauan audit persekitaran berkualiti dilakukan oleh pihak MPC di tempat masing-masing. PMM telah berjaya mengekalkan persijilan tersebut untuk tempoh lima tahun berturut-turut dan markah ketika pengauditan pada bulan April lalu melayakkan PMM ke konvensyen Zon Selatan. PMM yang diwakili oleh empat orang pegawainya iaitu Arman Md Said, Nin Hayati Mohd Yusof, Zid Abrar Akbar dan Wan Malini Wan Abdul Razak telah mempamerkan persembahan yang meyakinkan dan berjaya mengekalkan Anugerah Tiga Bintang (Emas) sekaligus melayakkan mereka bertanding ke Konvensyen Amalan Persekitaran Berkualiti 5S di peringkat kebangsaan yang akan diadakan pada 1-3 Oktober di Bukit Gambang Resort City, Kuantan.

**JAWATANKUASA PROMOSI 5S**

**PENGERUSI/PEREKA**  
HILMY MOHAMED NAJIB

**TUGAS-TUGAS KHAS**  
KAMALIAH HANIM SAMHUDI KAMIL  
ZANARIAH ABU BAKAR  
NUR'AIN ROSEIN

**JURUFOTO**  
ZAMRI ZAKARIA

Berita Hari ini | Rabu 30 Oktober 2013

## Politeknik Merlimau pertahan anugerah emas 5S kebangsaan

OLEH MISROM MATEHAM

**MERLIMAU 29 Okt.** - Politeknik Merlimau (PMM) mengulangi kejayaan mempertahankan kategori Tiga Bintang (Emas) pada Konvensyen Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Peringkat Kebangsaan 2013 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di Kuantan, Pahang, baru-baru ini. PMM mengekalkan

disertai 55 organisasi ini, PMM yang diwakili empat pegawai, Arman Md Said, Nin Hayati Mohd Yusof, Zid Abrar Akbar dan Wan Malini Wan Abdul Razak telah mempamerkan persembahan yang meyakinkan dan berjaya mengekalkan Anugerah Tiga Bintang (Emas) sekali lagi mengekalkan kedudukan PMM sebagai politeknik pertama di Malaysia, khususnya

ini PMM bersaing dengan beberapa organisasi yang lebih besar dan berpengalaman termasuk wakil-wakil Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti Institut Kemahiran Perindustrian, Institut Kemahiran Bela Negara serta Universiti Malaysia Sabah.

"PMM telah melaksanakan 5S di keseluruhan kawasan dan tidak

PMM pertahan kategori emas tiga tahun berturut-turut

MELAKA 29 Okt. - Politeknik Merlimau (PMM) mengulangi kejayaan mempertahankan kategori emas tiga tahun berturut-turut dalam Konvensyen Persekitaran Berkualiti 5S Peringkat Kebangsaan anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di Kuantan, Pahang baru-baru ini. PMM yang mewakili Wilayah Sembilan bersemita-smita 54 organisasi kerajaan dan swasta dari seluruh negara layak menyertai konvensyen ini selepas berjaya mempertahankan status emas di peringkat wilayah dan masing-masing. PMM diwakili empat pegawainya, Arman Md Said, Nin Hayati Mohd Yusof, Zid Abrar Akbar dan Wan Malini Wan Abdul Razak. Mereka mempamerkan persembahan meyakinkan yang meyakinkan dan berjaya mempertahankan Anugerah Tiga Bintang (Emas) dan politeknik pertama yang mengekalkan konvensyen tersebut. Nin Hayati yang juga jurutera di kalangan 55 PMM berkata, pemilihan 5S yang dinobatkan sebagai berkesan sejak 31 Mac 2009 menjadikannya sebagai Politeknik Malaysia pertama mempunyai pengisian 5S. Katanya, dalam konvensyen ini, PMM bersaing dengan organisasi yang lebih besar dan berpengalaman selain mendapat anugerah daripada institusi pengajian tinggi (IPT) seperti Institut Kemahiran MARA (IKM), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Bela Negara (IKBN) dan Universiti Malaysia Sabah. "Kita juga berjaya mengekalkan persijilan tersebut untuk tempoh lima tahun berturut-turut dan markah ketika pengauditan pada bulan April lalu melayakkan PMM ke konvensyen Zon Selatan semestinya mara ke peringkat kebangsaan. "Kita bukan sahaja memberi fokus kepada ruang pejabat tetapi keseluruhan kawasan korpus bagi pelaksanaan 5S dan, pencapaian yang diperolehi itu dibantu kerjasama dan kerjasama seluruh warga gajus dalam mematuhi tempoh tempoh dan tempat belajar yang konsisten serta selamat," katanya.



WAKIL-WAKIL daripada Politeknik Merlimau yang telah menang Anugerah Tiga Bintang (Emas) pada Konvensyen Persekitaran Berkualiti 5S peringkat kebangsaan di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

KONVENSYEN QE/5S



**Politeknik Merlimau (PMM)** telah mengadakan Sambutan Hari Inovasi 2013 bersekali dengan Sambutan Hari *Quality Environment* (QE) pada **6 Disember 2013 (Jumaat)**. Tema sambutan Hari Inovasi 2013 ini ialah "Inovasi Seiring Transformasi" telah dipilih untuk membuktikan bahawa warga Politeknik Merlimau mempunyai komitmen yang tinggi untuk mencapai kecemerlangan dalam menuju ke arah transformasi. Antara pengisian aktiviti sepanjang program ini diadakan seperti mengumumkan pemenang Anugerah Inovasi QE, Anugerah Khas, Anugerah *Best Employee*, Anugerah *Excellent Department and Unit* dan beberapa anugerah yang lain yang bertujuan untuk memberi penghargaan kepada semua warga PMM dalam membudayakan inovasi semasa melaksanakan kerja. Majlis turut disempurnakan oleh Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi diiringi oleh Pengarah Politeknik Merlimau, Mejar (K) Zolkarnain bin Hj Jobshi. Program tersebut bermula pada jam 2.30 petang dan berakhir pada jam 4.30 petang.

# Warna-warni HARI INOVASI QE/5S



# PERTANDINGAN 5S (RUANG KERJA AMP)



**Pertandingan 5S** ini telah dilaksanakan bermula 24 Jun 2013 sehingga 28 Jun 2013 yang mana dalam tempoh ini, Timbalan Pengarah Akademik, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Ketua Jabatan dan Ketua Unit bersama-sama staf masing-masing akan membuat persediaan bagi menyusunatur dan menceriaikan ruang kerja masing-masing berdasarkan amalan 5S. Penilaian sebenar akan dijalankan pada 1 Julai 2013 oleh dua (2) panel juri dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka iaitu Cik Norlizawati Md. Nor dan Cik Tay Yen Siang yang mana mereka mempunyai pengalaman luas dalam pengauditan 5S.

Panel penilai telah memutuskan bahawa pemenang adalah Ketua Unit Pembangunan & Penyelenggaraan (UPP) dengan markah 92.50%, diikuti oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) dengan markah 81.50% dan Ketua Unit Jaminan Kualiti (UJK) dengan markah 75.50%.



PERTANDINGAN 5S

## SUDUT LENSA: AKTIVITI 5S JABATAN/UNIT



**AKTIVITI SEBELUM**




**AKTIVITI SELEPAS**



PROGRAM “**JABATAN BERSIH WARGA SIHAT**” **SEMPENA PELANCARAN IKATAN KASIH**, peringkat Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) di Politeknik Merlimau. Kebersihan persekitaran dan bilik kuliah merupakan salah satu faktor yang dapat memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penyediaan persekitaran yang kondusif adalah merupakan tanggungjawab yang perlu dititikberatkan oleh sesebuah institusi pendidikan.

Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memberi perhatian terhadap tahap kebersihan politeknik melalui 3K. Persekitaran yang bersih dan ceria dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan dan efektif. Sehubungan itu, pihak Jabatan Kejuruteraan Elektrik, PMM melalui Jawatankuasa Kebersihan dan Keceriaan 5S telah menganjurkan satu aktiviti Gotong-royong Perdana bersama staf dan pelajar bagi memenuhi matlamat yang telah diterapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Aktiviti ini diharapkan dapat memberikan pendedahan dan amalan kepada pelajar tentang betapa pentingnya menjaga kebersihan dan keceriaan politeknik terutamanya bilik kuliah. Di samping itu, aktiviti ini akan membolehkan pelajar menerapkan nilai-nilai murni dalam diri mereka.



Program “**JOM FILING DAY**” anjuran 5S dianjurkan untuk mengalakkan staf di Jabatan Kejuruteraan Elektrik untuk mengamalkan Amalan 5S di persekitaran tempat kerja. Matlamat program ini untuk memastikan setiap fail yang berada di ruang kerja staf dilabel dan diindekskan nama dan nombor pada fail berdasarkan format yang telah ditetapkan. Pelaksanaan program ini telah sedikit sebanyak membantu mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik, tersusun dan praktikal.


**AKTIVITI 5S DI JABATAN/UNIT**

# KEPUTUSAN AUDIT 5S DISEMBER 2013

**AUDIT** Persekitaran Berkualiti (QE) Dalam Bil. 3/2013 telah dilaksanakan pada 13-17 Januari 2014. Juruaudit yang dilantik telah menjalankan pemeriksaan terhadap Bengkel/Makmal, Bilik Kuliah, Tempat Umum, Ruang Pejabat dan Persekitaran.




## PERATUS MARKAH RUANG PEJABAT JABATAN




Markah lulus = 70%

## PERATUS MARKAH RUANG PEJABAT UNIT




Markah lulus = 70%

## PERATUS MARKAH BILIK KULIAH




Markah lulus = 70%

## PERATUS MARKAH MAKMAL/ BENGKEL




Markah lulus = 70%

## PERATUS MARKAH TEMPAT UMUM JABATAN




Markah lulus = 70%

## PERATUS MARKAH TEMPAT UMUM UNIT



Markah lulus = 70%

## PERATUS MARKAH PERSEKITARAN JABATAN




Markah lulus = 70%

## PERATUS MARKAH PERSEKITARAN UNIT



Markah lulus = 70%

## PERATUS MARKAH KESELURUHAN JABATAN



Markah lulus = 70%

## PERATUS MARKAH KESELURUHAN unit



Markah lulus = 70%

KEPUTUSAN AUDIT 5S

## LAWATAN 5S

## PROGRAM PEMBUDAYAAN 5S DI SK BATU GAJAH

## GOTONG-ROYONG BADAN BERUNIFORM

Sepanjang bulan Julai – Disember 2013, Politeknik Merlimau telah menerima kunjungan daripada agensi-agensinya luar bagi tujuan penandaan 5S. Antara agensi yang terlibat adalah:

- Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) – 18 Oktober 2013
- SRA Tedong & Tadika JAIM – 18 Oktober 2013
- Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) – 25 Sept 2013
- Politeknik Sultan Azlan Shah – 29 Nov 2013
- Politeknik Metro Kuantan – 23 Disember 2013
- Politeknik Ibrahim Sultan – 23 Disember 2013

Jawatankuasa Kerja 5S telah mengadakan Program Adaptasi QE/5S di SK Batu Gajah pada 4 September 2013. Program ini diadakan bertujuan memberi pendedahan dan pengamalan 5S yang dilaksanakan oleh Politeknik Merlimau kepada warga SK Batu Gajah.

